

14/11/2003

68 pertubuhan sosial, politik mahu PM lakukan reformasi

KUALA LUMPUR: Sekumpulan 68 pertubuhan sosial dan politik mendesak Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melakukan reformasi menyeluruh dalam tempoh 100 hari pentadbirannya, termasuk membebaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim, bagi memperbetulkan apa yang didakwa mereka kesalahan dua dekad Tun Dr Mahathir Mohamad.

Dalam 'Memorandum Bersama Untuk Perdana Menteri Ke Arah Reformasi Malaysia', kumpulan yang turut disertai pertubuhan cauvinis Cina seperti Dong Zong dan Jiao Zong, serta pembangkang seperti Pas dan Parti Keadilan Nasional, menggesa Abdullah memperbaiki situasi politik negara serta demokrasi.

"Kita sudah digalakkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk beriltizam dalam menguatkan budaya demokratik di Malaysia sebagaimana terkandung dalam ucapatama beliau di Parlimen.

"Kita mendesak agar Perdana Menteri yang baru ini membuat permulaan baru dan mengambil kesempatan untuk memperbaiki," kata mereka dalam memorandum yang diedarkan pada sidang media di Dewan Perhimpunan Cina Selangor di sini, semalam.

Malaysia, Persatuan Kebangsaan Hak Asasi Manusia Malaysia (Hakam), Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Kumpulan Aktivis Media Independen, Institut Kajian Dasar, Aliran, Sisters In Islam, Tenaganita, Era Consumer Malaysia, Persatuan Tindakan Wanita (Awam), Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO), Parti Sosialis Malaysia dan Pemuda Sosialis DAP (Dapsy).

Memorandum yang menyentuh 11 perkara iaitu perpaduan nasional, demokrasi, hak berpolitik dan sivil, khidmat sosial dan ekonomi, rasuah, pendidikan, wanita, kebebasan akhbar, pekerja, institusi awam dan masyarakat orang asli, adalah ulangan tuntutan mereka sebelum ini.